



**TIMBALAN PERDANA MENTERI
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

KENYATAAN MEDIA

**PERKUKUH INDUSTRI GETAH NEGARA MELALUI
AGENDA PEMBELI GETAH UTAMA**

Dalam mendepani ketidaktentuan global, Kerajaan kekal komited untuk memperkasa sektor komoditi getah negara melalui pendekatan yang lebih strategik, bersepadu dan berimpak tinggi, demi memastikan kemampanan ekosistem pembangunan negara khususnya yang melibatkan komuniti pekebun kecil.

Selaras dengan aspirasi tersebut, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui RISDA akan terus memperkukuh peranan sebagai **Pembeli Getah Utama (anchor buyer)**, sekali gus meningkatkan purata harga belian oleh RISDA Plantation Sdn. Bhd. (RPSB) daripada sekitar **RM3.00 kepada RM3.70 sekilogram**.

Sebelum ini, harga getah di peringkat ladang hanya sekitar **RM3.00 sekilogram**, menyebabkan pekebun kecil berkeluasan satu hektar hanya memperoleh kira-kira **RM750 sebulan**.

Peningkatan ini secara langsung melonjakkan purata pendapatan bulanan pekebun kecil daripada **RM1,125 kepada RM1,387.50**, dengan tambahan sekitar **RM387.50 sebulan atau RM4,650 setahun** bagi setiap pekebun kecil. Bagi kebun seluas 1.5 hektar, pendapatan dijangka mencecah **RM1,708 sebulan**, manakala bagi keluasan 2.0 hektar ke atas, berpotensi mencapai sekitar **RM2,278 sebulan**.

Inisiatif ini dilaksanakan melalui **Program Pengeluaran Getah** dengan pelantikan RISDA Plantation Sdn. Bhd. (RPSB) sebagai agen pelaksana bagi pembelian getah secara runcit dan berkelompok. Langkah ini berlandaskan peruntukan di bawah **Akta RISDA 1972 (Akta 85)** yang memberi ruang kepada RISDA memainkan peranan lebih aktif dalam rantai perdagangan getah negara.

Melalui pelaksanaan ini, RISDA memperkenalkan pendekatan yang lebih adil dan telus, termasuk penetapan potongan harga maksimum di Semenanjung, penambahbaikan insentif berasaskan output, rundingan harga yang lebih kompetitif bersama kilang pemprosesan, serta pemanfaatan **181 depo pengumpulan** sedia ada di seluruh negara. Bagi kawasan tanpa kemudahan depo, perkhidmatan **Pemasaran Getah Bergerak (PGB)** turut diperkenalkan bagi memudahkan urusan pekebun kecil.

Dalam tempoh pelaksanaan aktif sejak awal Januari 2026, RISDA telah berjaya membeli dan mengumpul sebanyak **1,197.77 tan metrik** getah pekebun kecil dengan nilai belian terkumpul **RM3.79 juta** setakat Februari. Ini membuktikan bahawa dasar yang tepat mampu mengembalikan keyakinan pekebun kecil untuk kembali aktif mengusahakan kebun mereka.

Lebih penting, inisiatif ini dijangka memberi impak signifikan kepada negara. Pengeluaran getah domestik berpotensi meningkat sehingga **75 peratus**, dengan sasaran kutipan **300,000 tan metrik pada tahun 2026**, sekali gus menyumbang sekitar **29 peratus kepada keperluan domestik**.

Langkah ini amat penting bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap import getah asli yang dianggarkan bernilai **RM7.6 bilion pada tahun 2024**.

Inisiatif RISDA sebagai Pembeli Getah Utama merupakan langkah strategik untuk mengangkat semula martabat industri getah negara, memperkukuh rantai bekalan tempatan, meningkatkan pendapatan rakyat desa, serta memastikan masa depan sektor komoditi ini kekal berdaya saing.

Kerajaan akan terus memastikan agenda memakmurkan lebih **508,000 pekebun kecil** di seluruh negara dapat direalisasikan secara menyeluruh, selaras dengan semangat **Aspirasi Desa MADANI** yang menekankan kesejahteraan rakyat, kemampanan ekonomi dan pembangunan yang saksama.

-Tamat-

AHMAD ZAHID HAMIDI

Timbalan Perdana Menteri

Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah

16 Mac 2026